



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

KENYATAAN MEDIA

BAGI STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI OGOS 2024

LIMA NEGERI MENCATATKAN SUMBANGAN 81.9 PERATUS DARIPADA JUMLAH PERDAGANGAN PADA BULAN OGOS 2024

PUTRAJAYA, 27 SEPTEMBER 2024 – Malaysia mencatatkan jumlah perdagangan bernilai RM252.7 bilion pada Ogos 2024 dengan eksport dan import masing-masing bernilai RM129.2 bilion dan RM123.5 bilion, seperti yang dilaporkan hari ini dalam **STATISTIK EKSPORT IMPORT MENGIKUT NEGERI OGOS 2024**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata prestasi eksport bernilai RM129.2 bilion pada Ogos 2024, meningkat sebanyak RM14.0 bilion (+12.1%) berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan eksport dipengaruhi oleh eksport yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Pulau Pinang (+RM9.4 bilion), Selangor (+RM1.9 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.4 bilion), Johor (+RM937.0 juta), Terengganu (+RM810.5 juta), Perak (+RM685.3 juta), Kedah (+RM576.7 juta), Sarawak (+RM143.3 juta) dan Kelantan (+RM78.8 juta). Walau bagaimanapun, nilai eksport menurun di W.P. Labuan sebanyak RM880.1 juta, Sabah (-RM557.6 juta), Pahang (-RM343.9 juta), Negeri Sembilan (-RM120.4 juta), Melaka (-RM30.7 juta) dan Perlis (-RM8.5 juta).

Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama dengan sumbangan 32.9 peratus, diikuti oleh Johor (20.4%), Selangor (17.9%), Sarawak (7.2%) dan W.P. Kuala Lumpur (4.6%).

Beralih kepada prestasi import mengikut negeri, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin memaklumkan import pada bulan Ogos 2024 meningkat RM25.6 bilion (+26.2%) berbanding bulan yang sama pada 2023. Peningkatan import disebabkan oleh import yang lebih tinggi di kebanyakan negeri iaitu Johor (+RM5.8 bilion), Pulau Pinang (+RM5.1 bilion), Kedah (+RM4.6 bilion), Selangor (+RM4.3 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.7 bilion), Melaka (+RM1.1 bilion), Sabah (+RM908.6 juta), Pahang (+RM564.7 juta), Perak (+RM325.4 juta), W.P. Labuan (+RM129.7 juta), Perlis (+RM74.6 juta), Sarawak (+RM71.1 juta), Terengganu (+RM71.0 juta) dan Kelantan (+RM28.7 juta). Walau bagaimanapun, nilai import jatuh di Negeri Sembilan sebanyak RM211.3 juta.


Selangor mendominasi import Malaysia dengan sumbangan 25.4 peratus, diikuti oleh Johor (21.4%), Pulau Pinang (20.8%), Kedah (8.4%) dan W.P. Kuala Lumpur (7.8%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Carta 1: Eksport dan Import bagi negeri Johor, Pulau Pinang dan Selangor,
Ogos 2023 – Ogos 2024 (RM Bilion)**



Paparan 1: Infografik Statistik Eksport Import Mengikut Negeri, Ogos 2024



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2024**



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

PRESS STATEMENT

FOR EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE AUGUST 2024

FIVE STATES REGISTERED A CONTRIBUTION OF 81.9 PER CENT OF TOTAL TRADE IN AUGUST 2024

PUTRAJAYA, 27 September 2024 – Malaysia's total trade for August 2024 amounted to RM252.7 billion with exports and imports recorded RM129.2 billion and RM123.5 billion, respectively, as reported today in **EXPORT IMPORT STATISTICS BY STATE AUGUST 2024**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said exports was valued at RM129.2 billion in August 2024, increased RM14.0 billion (+12.1%) as compared to the same month of the previous year. The increase in exports was attributed to the higher exports in most states such as Pulau Pinang (+RM9.4 billion), Selangor (+RM1.9 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM1.4 billion), Johor (+RM937.0 million), Terengganu (+RM810.5 million), Perak (+RM685.3 million), Kedah (+RM576.7 million), Sarawak (+RM143.3 million) and Kelantan (+RM78.8 million). However, exports decreased in W.P. Labuan by RM880.1 million, Sabah (-RM557.6 million), Pahang (-RM343.9 million), Negeri Sembilan (-RM120.4 million), Melaka (-RM30.7 million) and Perlis (-RM8.5 million).

Pulau Pinang remained as the top exporter with 32.9 per cent share, followed by Johor (20.4%), Selangor (17.9%), Sarawak (7.2%) and W.P. Kuala Lumpur (4.6%).

Looking at the performance of imports by state, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said imports in August 2024 increased RM25.6 billion (+26.2%) as compared to the same month in 2023. The increase in imports was attributed by the higher imports in most states such as Johor (+RM5.8 billion), Pulau Pinang (+RM5.1 billion), Kedah (+RM4.6 billion), Selangor (+RM4.3 billion), W.P. Kuala Lumpur (+RM2.7 billion), Melaka (+RM1.1 billion), Sabah (+RM908.6 million), Pahang (+RM564.7 million), Perak (+RM325.4 million), W.P. Labuan (+RM129.7 million), Perlis (+RM74.6 million), Sarawak (+RM71.1 million), Terengganu (+RM71.0 million) and Kelantan (+RM28.7 million). However, imports decreased in Negeri Sembilan by RM211.3 million.

Selangor dominates Malaysia's imports with a share of 25.4 per cent, followed by Johor (21.4%), Pulau Pinang (20.8%), Kedah (8.4%) and W.P. Kuala Lumpur (7.8%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

**Chart 1: Exports and Imports in Johor, Pulau Pinang and Selangor,
August 2023 – August 2024 (RM Billion)**





Exhibit 1: Infographic on Export Import Statistics by State, August 2024



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 SEPTEMBER 2024